



SIARAN MEDIA

ANGKASA METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DENGAN YAYASAN HIJAU MALAYSIA BAGI KERJASAMA PROGRAM CSR COOPCARE KOPERASI PRIHATIN SEJUTA POKOK

PETALING JAYA, 29 SEPTEMBER 2021 – “Usaha pemuliharaan alam sekitar memerlukan kerjasama semua pihak baik dari pelbagai latar belakang, agama, bangsa, umur dan jantina. Bagi menyokong agenda nasional untuk menanam 100 juta pokok menjelang tahun 2025, ANGKASA mengambil inisiatif untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Yayasan Hijau Malaysia bagi menggerakkan Program CSR COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok.”

Perkara tersebut dinyatakan oleh Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Dato’ Abdul Fattah Abdullah ketika merasmikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Yayasan Hijau Malaysia secara maya di Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya.

Menurutnya program ini merupakan tanggungjawab sosial ANGKASA mewakili gerakan koperasi negara untuk menggalakkan 14,629 buah koperasi yang mempunyai 6.5 juta anggota di seluruh Malaysia menyokong usaha penanaman semula pokok. Program ini adalah inisiatif berimpak tinggi ANGKASA yang turut memfokuskan kepada penanaman semula pokok sama ada di kawasan hutan, rizab hutan, kawasan awam, institusi dan sebagainya sebagai salah satu cara untuk menangani masalah pelepasan karbon yang meningkat setiap tahun bagi menyokong agenda Program Penghijauan Malaysia.

CSR COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok adalah program “*Flagship*” ANGKASA yang akan dilaksanakan bersama-sama dengan gerakan koperasi secara berterusan bagi memberi impak positif terhadap alam sekitar seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 seperti yang telah digariskan oleh Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu (PBB).

Bidang kerjasama antara ANGKASA dan Yayasan Hijau Malaysia termasuklah aspek perkongsian informasi, promosi dan pendidikan mengenai program Penghijauan Malaysia. Yayasan Hijau Malaysia, agensi kerajaan di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Malaysia (KeTSA) menyediakan pakej penanaman pokok untuk tajaan dan menyelaras potongan cukai tertakluk kepada pembekalan pokok atau pelaksanaan program penanaman pokok di bawah Seksyen 44 (11 C), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Koperasi yang melaksanakan program penanaman pokok menggunakan pakej Yayasan Hijau Malaysia akan menerima potongan cukai sebanyak 10 peratus (10%) daripada jumlah pendapatan agregat tahunan. Manakala anggota koperasi yang menyertai secara individu akan mendapat potongan cukai sebanyak tujuh peratus (7%).

ANGKASA juga akan memberi baucar ganjaran melalui pakej tajaan individu yang menanam pokok melalui aplikasi “Penhijauan Malaysia”. Sebanyak 500 baucar digital Coop Farmasi ANGKASA ditawarkan kepada penaja individu yang boleh ditebus guna menerusi outlet Coop Farmasi dan secara dalam talian menerusi platform e-dagang seperti Shopee dan Lazada bagi pembelian barangan penjagaan kesihatan.

ANGKASA telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Institut Perubahan Iklim (IPI), Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan sedang dalam perancangan untuk melaksanakan penanaman pokok hutan di kawasan plot seluas 20 ekar hutan terosot yang akan dinamakan sebagai “Hutan Angkat Koperasi”. Sebagai permulaan projek ini, ANGKASA akan menanam 625 batang pokok hutan di kawasan seluas 1 hektar di sekitar Hutan Simpan Sungai Lalang berdekatan dengan Sungai Tekala, Hulu Langat.

ANGKASA sebagai badan induk gerakan koperasi yang mewakili gerakan koperasi negara di peringkat nasional dan antarabangsa tidak hanya fokus kepada penglibatan koperasi di peringkat nasional sahaja, malah mengalu-alukan penyertaan anggota koperasi di peringkat antarabangsa menerusi program penajaan yang akan diwara-warakan menerusi laman portal khas bagi tujuan ini.

Program CSR COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok merupakan komitmen ANGKASA untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 mewakili gerakan koperasi di Malaysia bagi membantu menangani perubahan iklim dan meningkatkan kualiti persekitaran semula jadi serta menyumbang kepada masa hadapan yang lebih hijau dan lestari untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

**PENGURUS BESAR
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
MERANGKAP PEGAWAI KHAS PRESIDEN ANGKASA
29 SEPTEMBER 2021**

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan Disember 2020, ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan menaungi 14,629 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 6.5 juta orang dengan jumlah modal syer/ yuran sebanyak RM15.8 bilion, jumlah aset RM150.5 Bilion dan perolehan sebanyak RM41.5 bilion. (*Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia*).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Seiring dengan 50 tahun penubuhannya, ANGKASA akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta berperanan sebagai instrumen pengagihan ekonomi yang adil dan saksama demi kesejahteraan untuk semua.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di [@ANGKASACoop](https://www.facebook.com/ANGKASACoop)

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

Halim Haji Ibrahim
Pengurus Besar
Bahagian Komunikasi Korporat
Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA
Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481
Faks : +603 – 7884 6489
E-mel : korporat.angkasa@gmail.com
www.angkasa.coop

MENGENAI YAYASAN HIJAU MALAYSIA (YHM) – www.yahijau.com

Yayasan Hijau Malaysia (YHM) yang ditubuhkan pada 2 Mac 2014 merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Penubuhan YHM bertujuan untuk mempromosi dan mendidik masyarakat khususnya golongan belia mengenai pentingnya teknologi hijau, kelestarian tenaga dan air serta faedahnya terhadap kehidupan lestari melalui penganjuran pelbagai program dan aktiviti.

Dalam hal ini, YHM telah memberi tumpuan kepada golongan belia menggunakan platform pendidikan bagi mempromosikan amalan gaya hidup hijau di peringkat awal usia. Pendedahan kepada inisiatif hijau daripada usia muda diyakini akan memberi impak yang ketara dalam penerapan amalan hidup hijau dalam kalangan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

YHM juga memainkan peranan penting dalam mempromosi serta mendorong penyertaan Entiti Korporat, Komuniti dan masyarakat umum ke arah meningkatkan amalan hidup hijau di Malaysia melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan tajaan disamping memberi kesedaran mengenai pentingnya mempunyai gaya hidup yang lebih hijau. Selaras dengan usaha ini, YHM akan terus memainkan peranannya secara lebih meluas termasuklah memberi penekanan terhadap elemen biodiversiti selain memacu lebih banyak program berimpak tinggi untuk kepentingan seluruh rakyat Malaysia.

Sejak awal penubuhan, YHM telah merancang dan melaksanakan pelbagai usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar. Hari ini, kesedaran dan usaha untuk mengekalkan kelestarian dan kehijauan Bumi mendapat perhatian daripada semua lapisan masyarakat. Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut sila layari www.yahijau.com

PERANAN YAYASAN HIJAU MALAYSIA DALAM KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Sebagai salah satu agensi di bawah KeTSA, Yayasan Hijau Malaysia (YHM) menghubungkan pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi, syarikat korporat, badan bukan kerajaan, institusi pendidikan, sekolah dan orang awam dalam menjayakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. YHM berperanan untuk mendapatkan sumbangan dana kewangan daripada syarikat swasta dan badan korporat bagi melaksanakan program penanaman pokok melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang diadakan mengikut keperluan syarikat tersebut.

Syarikat korporat dan individu yang berminat untuk menyertai kempen ini boleh menyalurkan dana mereka melalui YHM. Program yang dijalankan di bawah YHM adalah dikecualikan cukai untuk inisiatif yang dianjurkan di bawah Kategori Pembangunan Teknologi Hijau dan Kategori Pemuliharaan Alam Sekitar sebagai projek kepentingan nasional sesuai dengan kuasa Menteri Kewangan di bawah seksyen 44 (11C), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Dengan kelulusan ini, syarikat swasta dan korporat yang menyumbang dana kewangan melalui YHM bagi kempen ini adalah layak untuk menuntut potongan cukai pendapatan sebanyak 10% dari jumlah pendapatan agregat tahunan bagi syarikat dan 7% dari jumlah pendapatan bagi individu.

YHM turut mengalu-alukan syarikat korporat dan swasta untuk memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk termasuklah produk atau baucar diskaun pembelian. Bentuk sumbangan ini boleh dijadikan sebagai insentif untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti penanaman pokok dan seterusnya merekod aktiviti mereka melalui aplikasi mudah alih

'Penhijauan Malaysia' atau laman sesawang Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di www.100jutapokok.gov.my

Syarikat korporat dan individu yang ingin menyumbang boleh menghubungi YHM di talian 03-8861 7811 atau emelkan kepada Dr. Rafidah Rashid (rafidah@yahijau.com), Encik Hafizan Ahmad (hafizan@yahijau.com) dan Cik Nur Hidayah Husni (hidayah@yahijau.com).

.....**TAMAT**.....

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi :

Shahrizan Mohamad Sapri

Eksekutif Kanan

Unit Komunikasi Korporat

Yayasan Hijau Malaysia

Email : shahrizan@yahijau.com

Tel : 013-779 9881

Mardhati Binti Yahya

Eksekutif Komunikasi Korporat

Yayasan Hijau Malaysia

Email : mardhati@yahijau.com

Tel : 016-5755178